



UPM anjur Program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas sempena 50 Tahun UPM



SERDANG, 10 Jun - Pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit QKB2109, Persembahan Lisan Tradisional dengan kerjasama Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun UPM yang ke-50.

Program itu telah dilaksanakan selama dua minggu bermula 6 hingga 17 Jun 2022 dan majlis penutup diadakan secara hibrid di Kompleks Akademik A (KAA) yang bersiaran langsung melalui aplikasi Zoom.

Pengarah program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM, Maryam Sakinah berkata program itu bertujuan memperkenalkan dan mengasah minat pelajar terhadap seni pantun Melayu bagi mewujudkan komuniti pelajar yang cinta dan tidak lupa akan seni warisan bangsa.

"Program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM merupakan inisiatif untuk memastikan agar komuniti UPM kini lebih sinonim dan tidak melupakan seni pantun yang merupakan identiti bangsa yang unik sejak dahulu lagi," katanya.

Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM, Dr. Shahril Nizam Sha'ri berkata proses mencipta pantun adalah mencabar kerana perlu memikirkan pembayang dan maksud bagi setiap rangkap yang dihasilkan.

"Pendedahan Bengkel Penciptaan Pantun dapat memberikan gambaran jelas dan teknik kepada para pelajar dalam penghasilan seni pantun Melayu," katanya.

Fasilitator program, Nik Zaini Peei berkata program itu bukan sahaja dapat memperkenalkan dan mengasah minat pelajar terhadap seni pantun Melayu malah program ini juga dapat memperkasakan bakat serta membuka peluang kepada pelajar bagi mengenali dan mempelajari seni pantun Melayu dengan lebih mendalam.



"Melalui pertandingan ini saya dapat lihat bahawa pelajar UPM sememangnya mempunyai minat dan bakat dalam menghasilkan karya pantun Melayu yang dibuktikan melalui penglibatan peserta dari kalangan pelajar UPM yang terdiri daripada pelbagai bangsa," katanya.

Pelajar Bacekor Ekonomi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), UPM Aiman Izzuddin Mohamad berkata beliau bangga dapat menyertai Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM kerana dapat menimba ilmu pengetahuan dalam menghasilkan karya pantun Melayu.

"Ini adalah pengalaman pertama saya menyertai pertandingan poster yang bertemakan pantun sepanjang saya berada di UPM dan saya teruja kerana diberi peluang untuk menimba ilmu dalam penghasilan pantun melalui slot bengkel penciptaan pantun yang diadakan," katanya.

Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM itu telah dimenangi oleh pelajar Doktor Perubatan Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Ahmad Akram Mukhlis Mohd Yazid yang berjaya membawa pulang bawcer tiket wayang TGV dan tempat kedua dimenangi oleh pelajar Bacekor Ekonomi Dengan Kepujian, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Aiman Izzuddin Mohamad yang berjaya membawa

LIHAT JUGA



Kumpulan Malinja FRSB, UPM menang Anugerah Khas Exco di Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang (/berita/kumpulan_malinja_frsb_upm_menang_anugerah_khas_exco_di_pestapa_padi_antarabangsa_pulau_pinang-67869)



UPM anjur aktiviti kebersihan pantai bersama pelajar sekolah di Mersing (/berita/upm_anjur_aktiviti_kebersihan_pantai_bersama_pelajar_sekolah_di_mersing-67866)



UPM anjur Program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas sempena 50 Tahun UPM (/berita/upm_anjur_program_pertandingan_poster_pantun_jubli_emas_sempena_50_tahun_upm-67865)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

☎ +603-9769 1000

✉ ---

📧 pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

pulang baucer akaun premium NetfliX manakala tempat ketiga dimenangi oleh pelajar Bacelor Sains Pembangunan Manusia Dengan Teknologi Maklumat, Fakulti Ekologi Manusia, Nurul Syahirah Muhamad Halime yang berjaya membawa pulang baucer grab bernilai RM30.

Program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas UPM itu mendapat sambutan baik dengan penerimaan ramai peserta berbilang kaum dari UPM serta berjaya menerima beberapa penyertaan pelajar antarabangsa dan luar komuniti UPM. - UPM

Tarikh Input: 27/07/2022 | Kemaskini: 27/07/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_anjur_program_pertandingan_poster_pantun_jubli_emas_sempena_50_tahun_upm-67865&title=UPM%20Anjur%20Program%20Pertandingan%20Poster%20Pantun%20Jubli%20Emas%20Sempena%2050%20Tahun%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)(/facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECERMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Pemohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spin/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/renderAction?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengusutan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
Keluarga Malaysia (https://keluarga.malaysia.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

BERKUALITI // PPTU // REINTEKNEBIRAWAN // @ertiti
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengena_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.watan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
Takwim UPM 2022 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf)



Dasar Privasi (footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS (rss) Penafian (footnote/penafian-29938) Bantuan (footnote/bantuan-29937) UPM online (footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**